

Azam Rizal dalam Rumpun Melayu

oleh

Norshahril Saat

Institut Pengajian Asia Tenggara (ISEAS)

Adakah rumpun Melayu mempunyai azam dan visi Jose Rizal? Negara kelahiran Rizal, Filipina, baru saja menyambut hari kelahirannya yang ke-150 pada 19 Jun lalu dengan pelbagai acara sambutan. Namun, soalan ini relevan kepada semua orang Melayu di mana juga.

Rizal memang insan luar biasa. Beliau bukan saja dikenali sebagai wira kemerdekaan Filipina, bahkan seorang insan serba boleh - selaku doktor (khususnya perubatan mata), sasterawan, novelis, seniman, pengukir dan pelukis serta fasih 22 bahasa! Beliau disifatkan sebagai peniup azam rumpun Melayu yang walaupun berbeza agama, terpadu dalam menentang penjajahan. Beliau mendapat gelaran 'anak Filipina pertama' ('the first Filipino') dan juga 'anak kebanggaan bangsa Melayu' ('the pride of the Malay race').

Ketika mengenang semangat Rizal, Filipina masih lagi bergelumang dengan isu perpisahan. Proses damai pemerintah Filipina dengan masyarakat Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) masih menemui kegenjotan di Mindanao. Mungkin ramai anak Melayu kita yang masih tidak kenal akan sumbangannya Rizal dalam bidang intelektual, terutama sekali dalam memerangi gagasan-gagasan Orientalisme penjajah. Bestari (genius) Melayu ini dihukum tembak sampai mati oleh penjajah Sepanyol pada tahun 1896. Ketika itu, usianya baru 35 tahun. Namun, dalam usia singkat, Rizal telah menghasilkan banyak karya daripada novel, sajak sehingga eseи.

Penulisan antikolonial dan nasionalismenya menggugat kedudukan penjajah Sepanyol dahulu. Menurut John Nery dalam bukunya, *Revolutionary Spirit: Jose Rizal in Southeast Asia*, keperibadian Rizal banyak mempengaruhi pelbagai gerakan nasionalisme dan nyahkolonialisme di rantau ini. Nama Rizal sering disebut dalam ucapan tokoh nasionalis sebelum merdeka dan juga penulisan di akhbar ketika itu. Misalnya, nama Rizal telah ditukil dalam sebuah penulisan editorial Ibrahim Haji Yaacob

sewal 1938. Menurut Nery, inilah pertama kali nama Rizal disebut dalam sebuah akhbar Melayu. Rizal juga dikatakan mempunyai pengaruh besar dalam gerakan nasionalisme Indonesia pada 1920-an.

Karyanya juga mengilhamkan ilmuwan dalam bidang pengajian pascakolonial seperti Almarhum Profesor Syed Hussein Alatas, Dr Shaharuddin Maaruf, Dr Chandra Muzaffar, Dr Syed Farid Alatas dan yang terbaru, John Nery. Pemikiran Rizal turut menyerikan buku klasik, *Mitos Pribumi Malas* ('The Myth of the Lazy Native'), tulisan Dr Syed Hussein Alatas. Rizal diangkat sebagai pelopor dalam mengungkapkan teori 'sifat malas' di Asia Tenggara. Secara ringkas, beliau mengkritik imej malas yang sering dipaparkan penjajah Sepanyol terhadap masyarakat Filipina. Padahal antara punca sifat malas itu, hujah Rizal, ialah 'membalas' kesan kekerasan penjajahan Sepanyol.

Dalam hal ini, Rizal boleh dianggap sebagai seorang pemikir yang menyumbang kepada teori kemasyarakatan (sosiologi). Kekata 'malas' sering dilemparkan terhadap sesebuah masyarakat dengan tujuan merendahkan martabat sesebuah kaum. Pada zaman penjajahan, kekata 'malas' selalunya dilemparkan oleh penjajah terhadap satu masyarakat yang tidak melibatkan diri dalam kapitalisme kolonial atau aktiviti yang memperkaya mereka. Rizal lebih menyalahkan dasar-dasar penjajah yang membunuh semangat bekerja masyarakat Filipina, yang sekali gus menyangkal sifat malas adalah satu budaya dan naluri Filipina.

Dari aspek nasionalisme, Rizal banyak sekali mengetengahkan aspek perpaduan. Perbezaan agama tidak menjadi penghalang menyatupadukan rakyat dalam membasmikan permasalahan-permasalahan yang sama, seperti eksploitasi dan kemiskinan. Sebagai contoh, Rizal sangat lantang dalam menentang eksploitasi Sepanyol dan sering menyifatkan masyarakatnya sebagai 'Melayu Filipina yang malang'. Sayangnya, mesej perpaduan Rizal kurang diterapkan dalam perang saudara di selatan Filipina yang berterusan sejak zaman Sepanyol sehingga kini.

Rizal merupakan insan objektif lagi rasional. Beliau dapat membezakan apa itu masalah penting dalam masyarakat daripada bukan masalah, memahami punca sesuatu permasalahan secara objektif dan tepat dan menilai latar belakang golongan yang suka mengeksplorasi golongan kurang berasib baik. Masyarakat kita wajar mengambil iktibar daripada warisan Rizal iaitu punca sesuatu masalah hendaklah dinilai secara terperinci sebelum menganggapnya sebagai satu masalah

sosiobudaya, agama dan sebagainya. Banyak faktor lain - seperti sejarah, struktur masyarakat dan keadaan sosiopolitik yang juga memainkan peranan penting dalam menimbulkan masalah.

Diharapkan semangat Rizal bukan hanya untuk diraikan setiap 19 Jun, bahkan direnung dan dihayati untuk membentuk jiwa merdeka insan Melayu yang gigih dalam menimba ilmu, cinta damai, menyerikan akhlak dan memberikan respons yang tepat kepada setiap permasalahan dalam masyarakat.

Artikel ini telah diterbitkan di *Berita Harian* pada 16 November, 2011.